

**KONSEP KEMAKMURAN NEGARA DALAM HISTORIOGRAFI
MELAYU ISLAM KURUN KE-13 HINGGA KE-19**
**(Concept of National Peace in Malay Muslim Historiography during
13th to 19th Century)**

Oleh:
Tatiana Denisova*

Abstrak

Karya-karya historiografi Melayu Islam merupakan sumber sejarah yang amat penting untuk mengkaji sejarah masyarakat Melayu pada kurun ke-13 sehingga ke-19. Karya-karya seperti Hikayat Raja Pasai, Sejarah Melayu, Hikayat Aceh, Peringatan Sejarah Negeri Johor, Hikayat Siak, Tuhfat al-Nafis mewakili pelbagai aliran dalam historiografi Melayu Islam yang wujud dalam pelbagai zaman dan negara. Teks-teks tersebut mengandungi banyak maklumat tentang cara kehidupan masyarakat, keadaan yang nyata dalam bidang ekonomi, kehidupan intelektual, politik, agama dan lain-lain. Analisis maklumat-maklumat tersebut membantu kita supaya memahami konsep kerajaan yang wujud pada masa tersebut termasuklah konsep kemakmuran dan kemunduran negara serta kriteria-kriteria utama kemakmuran dan kemunduran sesebuah negara. Kajian teks-teks Melayu lama menunjukkan bahawa konsep kemakmuran dan kemunduran negara mempunyai kaitan yang erat dengan sifat-sifat baginda (raja adil – raja zalim) dan cara kerajaan yang dilaksanakan oleh baginda sepetimana sebuah negara Islam. Ternyata konsep kemakmuran dan kemunduran negara yang dirumuskan di dalam teks-teks tersebut merupakan sebahagian daripada konsep keadilan yang berdasarkan konsep kerajaan Islam yang ideal (Ideal Islamic state).

Kata kunci: *Histogrami Melayu Islam, teks-teks Melayu lama, konsep kemakmuran*

Abstract

Literature of Malay Muslim historiography is one of the most essential historical resources in studying the history of Malay community, especially from the 13th to 19th century. Main texts such as Hikayat Raja Pasai (Chronicle King of Pasai), Sejarah Melayu (The Malay Annals), Hikayat Aceh, Peringatan Sejarah Negeri Johor, Hikayat Siak, Tuhfat al-Nafis represent numbers of streams in Islamic Malay historiography embedded in diversity of countries and time. These texts encompass info of the lifestyle of a society, aspect of economy and intellectual, politics, religion etc. Thus, analysis of these information assist us in understanding further the concept of the state existed during that period, including the concept of national peace or tranquility and secession and its main criteria. Furthermore, research of ancient Malay texts show that these concepts has strong relations to the characteristics of the ruler (e.g. just - unjust ruler) and the ways king rule their country as Islamic countries or states. Hence, these two

* Tatiana Denisova, PhD, Profesor Madya di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

concepts summarized in those texts are recognized as among of the concept of justice based on the principle of idealistic of Islamic government (Ideal Islamic state).

Keywords: Malay Islam Historiography, ancient Malay texts, concept of peace

Pengenalan

Dalam teks-teks sejarah Melayu Islam terdapat banyak maklumat mengenai aktiviti ekonomi di pelbagai negara Melayu pada kurun ke-13 hingga ke-19. Kegiatan ekonomi, kemakmuran negara, kesejahteraan rakyat dan perkembangan perniagaan dianggap oleh para pembaca dan menurut pandangan awam sebagai kriteria kemajuan kerajaan dan sebagai kewajiban *baginda yang adil*. Menurut tradisi Islam, kemakmuran negara dan perkembangan perdagangan dianggap juga sebagai akibat daripada proses Islamisasi. Prof. S.M. Naquib al-Attas menjelaskan antara lain:

...the concept din reflects the idea of a kingdom - a cosmopolis. Commerce and trade are the life blood of the cosmopolis, and such activity together with its various implications is indeed inherent in the concept din ... It is no wonder then that in the Holy Qur'an wordly life is depicted so persistently in the apt metaphors of commercial enterp. If the cosmopolis or kingdom reflected in the concept din, there is depicted the bustling activities of the traffic of trade. Man is inexorably engage in the trade: al-tijarah, in which he is himself the subject as well as object of this trade.¹

Teks-teks Melayu lama, iaitu karya-karya historiografi Melayu Islam merupakan sumber sejarah yang amat penting untuk memahami dan membina semula sejarah perkembangan masyarakat Melayu kurun ke-13 sehingga ke-19. Teks-teks tersebut seperti :

1. *Hikayat Raja Pasai*²

¹ Syed Muhammad Naquib al-Attas (1993), *Islam and Secularism*, Kuala Lumpur: ISTAC, h. 67.

² *Hikayat Raja Pasai* (HRP) adalah hikayat mengenai sejarah negara Pasai dan mencerminkan period yang terawal dalam historiografi Melayu Islam. Tarikh HRP belum ditentukan lagi. Walaupun di dalamnya tidak tercatat apa-apa tarikh, kita dapat menduga bahawa hikayat ini mencakup jangka waktu kira-kira dari tahun 1280 sampai 1400 Masihi atau kira-kira dari tahun 680 hingga 800 Hijrah. Versi yang lebih kurang telah tersusun dalam bentuk yang terakhir mungkin siap pada akhir abad yang ke-14. Salinan muncul di Jawa 1797. Terdapat tiga buah naskah. Yang paling terkenal - naskah MS Raffles Malay N. 67 yang tersimpan di The Royal Asiatic Society, London (Ms A), Yang kedua - ialah naskah yang disalin langsung daripada Ms A yang dilakukan oleh seorang sarjana Perantis, Edouard Dulaurier in 1838 yang tersimpan di Bibliotheque Nationale Paris, No Mal.-Pol.50. Naskah ini hampir tidak berguna untuk kerja perbandingan. Naskah yang ketiga - baru ditemui pada tahun 1986 di London, dan dibeli oleh British Library in 1986 (Ms B). Ada 6 edisi teks *Hikayat Raja Pasai*: 1/ Edouard Dulaurier. Collection des Principales Chroniques Malaises. premier fascicule La chronique du Royaume de pasey. Paris, 1849 Edisi Jawi bermutu tinggi, malah mungkin lebih baik daripada edisi-edisi yang diterbitkan selepasnya. 2/ J.P. Mead. "A Romanised version of The Hikayat Raja-raja

2. *Sejarah Melayu*³
 3. *Hikayat Aceh*⁴
 4. *Peringatan Sejarah Negri Johor*⁵
-

Pasai. JSBRAS, 66 Singapore. 1914 h. 1-55; 3/ Dr.A.H. Hill “Hikayat Raja-Raja Pasai, a revised romanised version with an English translation, an introduction and notes. JMBRAS 33, Bhg 2, 1960. Edisi yang paling lengkap; 4/ Teuku Ibrahim Alfiah “Kronika Pasai. Sebuah Tinjauan Sejarah. Yogyakarta. 1973 5/ Russel Jones. *Hikayat Raja Pasai*. KL 1987; 6/ *Hikayat Raja Pasai*. Dikaji dan diperkenalkan oleh Russel Jones. Yayasan karyawan & penerbit Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1999.

³ Sejarah Melayu adalah suatu karya Melayu yang paling terkenal. Di dalamnya terdapat hikayat mengenai sejarah Melaka kurun 15-16. Tarikh munculnya *Sejarah Melayu* itu belum ditentukan lagi, mahu pun juga nama pengarangnya masih belum jelas. Menurut pendapat beberapa ilmuwan karya tersebut dikarang oleh Bendahara Melaka Tun Seri Lanang. Terdapat 29 naskah dan tiga versi *Sejarah Melayu*: 1. Yang pertama lebih terkenal ialah gugusan yang pada mulanya diterbitkan oleh Abdullah Munsyi di Singapura (1831) - gugusan “batu sawar” (Johor) Tarikh timbulnya kira-kira 1612. Versi ini mempunyai 34 bab dan diawali oleh sebuah mukaddimah yang menyatakan bahawa yang diminta menuliskan hikayat ini ialah Bendahara Paduka Raja Tun Muhammad (Tun Seri Lanang). Inilah versi yang terbesar luas di Malaysia, Indonesia dan malah di seluruh dunia. Gugusan itu terdiri daripada puluhan salinan (St.peterburg, London, Manchester, Leiden, DBP); 2. terdapat suatu gugusan yang lagi yang belum dikenal luas. Teksnya belum diterbitkan dalam bentuk buku. Ada hanya dua naskah. (versi yang tertua - sekitar 1536): a. Naskah pertama Naskah 18 Koleksi Raffles mengandungi teks penuh, terdapat di Royal Asiatic Society, London: b. Cod.Or. 1704 Perpustakaan Universiti Leiden dan tidak lengkap (100 halaman pertama); Versi itu mempunyai 8 bab yang tidak terdapat dalam versi yang pertama. Susunan babnya juga agak berlainan sedikit daripada susunan naskah gugusan pertama. Mukaddimahnya lebih pendek. Nama pengarang tidak diturunkan dan terdapat tarikh karya tersebut ditulis pada tahun 1612. 3. versi *Pasir Raja*. Tarikhnya belum ditentukan. terdapat dalam naskah Raffles Malay 18-203 halaman, 25 baris sehalaman (halaman pertama-17) serta menggunakan dakwat hitam dan merah. Naskah salinan tidak bertarikh dan menggunakan kertas Inggeris. Ada cap air (C.Wilmott 1812). Naskah tersebut diserahkan kepada RAS oleh isteri Raffles pada tahun 1830. Terdapat berbagai-bagai edisi teks tersebut. Yang paling terkenal antaraya: *Dulalaurier E.* (ed) Collection des principales chroniques malayes. t.1-2 , P. 1849; *Shellaber W.G.* (ed) *Sejarah Melayu* Kuala Lumpur. 1967; *Situmorang D.T., Teeuw* (ed) *Sejarah Melayu* menurut terbitan Abdullah. Djakarta 1958; *Winstedt R.O.* (ed), *The Malay Annals or Sejarah Melayu*. – JMBRAS, 1938, vol. 16 p.3; *Brown C.C. Sejarah Melayu or Malay Annals*. A translation of Raffles halaman 18, Kuala Lumpur 1968; *Blagden C.O.* An Unpublished variant version of Malay Annals. – JMBRAS, vol.III, p.1 (1925); *Iskandar T.* Tun seri lanang pengarang *Sejarah Melayu*. – Dewan Bahasa, 1964, jilid.8 bilangan.11; *Roolvink R.* The Versions of the Malay annals. – BTVL, 1967, deel 123, afl 3. Kita menggunakan dalam kajian ini edisi yang terakhir: *Sulalat al-Salatin, ya ni Perteturun segala Raja-Raja (Sejarah Melayu)*. *Karangan Tun Seri Lanang*. Dikaji dan diperkenalkan oleh Muhammad Haji Salleh. Yayasan karyawan & Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, 1997.

⁴ Tarikh wujudnya ;’*Hikayat Aceh* belum ditentukan tetapi semestinya teks ini dikarang antara 1606 - 1636 pada masa kerajaan Sultan Iskansdar Muda. Terdapat beberapa naskah *Hikayat Aceh*. Antara lain yang digunakan dalam penerbitan T.Iskandar yang paling lengkap itu adalah: Cod Or. 1954 (naskah A) dan Cod.Or. 1983 (naskah B) daripada koleksi Legatum Warnerianum di Perpustakaan Universiti Leiden. yang pertama - Salinan daripada suatu naskah yang dari Perpustakaan Isaak de saint Martin akhir kurun ke-17. Berasal dari kumpulan naskah Jawa, Melayu .dan lain-lain yang kurang lebih pada tahun 1871 dipindahkan ke Perpustakaan Universiti Leiden. Yang kedua adalah salinan daripada naskah pertama itu. Menurut kolofon tarikh timbulnya - 9.03. 1847. Lihat: *Hikayat Aceh*. Dikaji dan diperkenalkan oleh Teuku Iskandar. Yayasan Karyawan, Kuala Lumpur, 2001, h. 117

⁵ “*Peringatan Sejarah Negri Johor*” mewakili tradisi orang Melayu Johor. Kitab itu terjadi di pertengahan kurun ke-XVIII. Pengarangnya belum diketahui, bentuknya adalah kumpulan dokumen-dokumen dan kisah-kisah yang mempersembahkan kegiatan dan riwayat hidup Sultan Suleiman Badr al-Alam Shah (1699-1760). Masa ini terdapat 2 buah naskah dari teks ini: (1) Naskah KL 24B tersimpan dalam Perpustakaan Universiti Leiden, di dalam koleksi H.K. von Klingkert. Disalin di Riau pada tahun 1863 - 1866; (2) Naskah Von de Wall 196. Tersimpan di Perpustakaan Lembaga Kebudayaan Indonesia di Jakarta sejak tahun 1873. Tersalin di antara tahun 1855 dan 1873. Kedua-duanya naskah tersebut digunakan dalam edisi yang pertama yang disiapkan oleh E.U. Kratz pada

5. *Hikayat Siak*⁶
6. *Tuhfat an-Nafis*⁷

tahun 1973. Nama buku itu yang dalam Bahasa Jerman – “Peringatan Sejarah Negri Johor” - Eine malaische Quelle zur Geschichte Johors im 18. Jahrhundert”. Artinya: “Peringatan Sejarah Negri Johor – suatu sumber sejarah Melayu tentang Johor pada abad – ke-XVIII.

⁶Menurut kolofon dalam salah satu naskahnya teks itu disurat atau dirawikan oleh Tengku Said pada tahun 1272 Hijrah atau pada tahun 1855 Masihi. Seluruh naratif “Hikayat Siak” menjangkau suatu period sejarah yang panjang, mulai zaman sebelum kerajaan Melaka kurun ke-XV hingga ke pertengahan abad ke-XIX. Pada masa ini terdapat empat buah naskah dari teks “Hikayat Siak”: a/ naskah yang dianggap naskah unggul tersimpan di Perpustakaan Muzium Pusat di Jakarta, kodnya W 191; M 1,44. Teksnya berhuruf Arab/Jawi, ciri fizikalnya jelas dan baik. Tersalin pada tahun 1856; b/naskah yang lain tersimpan di Perpustakaan Royal Asiatic Society, London, dikodkan sebagai Mal. 138 diberikan judul *Sejarah Raja-raja Melayu*. Pernah dikatalogkan oleh M.C.Ricklefs dan P.Voorhoeve.; 3/Dua buah naskah lagi dari teks yang sama terdapat pula di Perpustakaan University Leiden (Universiteit Bibliotheek). Kedua-duanya diberikan kod Cod.Or 6342 dan Cod. Or. 7304. Naskah yang kedua terdapat di dalam ortografi tangan tulisan Jawi, sementara naskah yang pertama, juga tulisan Jawi telah bertaip. Tersalin pada tahun 1893 di Aceh. Semua naskah-naskah pernah digunakan dalam edisi teks yang disiapkan oleh Encik Muhammad Yusoff Hashim: “Hikayat Siak. Dirawikan oleh Tengku Said.” Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur. 1992.

⁷Dalam judul *Tuhfat an-Nafis*, terdapat dua karya berjudul sama. Karya-karya ini dianggap oleh para ahli sebagai dua versi daripada satu karangan. Tentu saja, kedua-duanya terjadi dalam waktu yang hampir sama – pada pertengahan abad ke-19 dan di tempat yang sama – di Pulau Penyengat (Kepulauan Riau-Lingga). Kedua-duanya mewakili tradisi bangsa Bugis dalam historiografi Johor. Teks yang pendek (88 000 kata) dikarang oleh Raja Ahmad Bin Raja Haji (1779-1879), teks yang panjang (126 000 kata) dikarang oleh anaknya Raja Ali Haji Bin Raja Ahmad (1809 – 1872). Teks yang pendek terdapat dalam sebuah naskah yang tersimpan dalam Perpustakaan Koninklijk Instituut voor Taal-, Land- en Volkenkunde di Leiden. Naskah ini adalah salinan yang dikerjakan di Pulau Penyengat pada tahun 1896. Ciri-ciri fizikal naskah ini baik sekali oleh kerana itupun, barangkali, naskah ini menjadi naskah induk untuk edisi Virginia Matheson tahun 1982. Teks yang panjang masa ini wujud dalam 5 naskah: a/ Naskah Maxwell 2MS, tersimpan di Perpustakaan Royal Asiatic Society di London. Naskah ini adalah salinan yang dikerjakan di Selangor pada bulan Mac 1890 dilakukan untuk residen Selangor – Sir William Maxwell. Di dalamnya ada tambahan mengenai sejarah Riau setelah tahun 1865. Ciri-ciri fizikal kurang baik kalau dibandingkan dengan naskah von Hasselt. Naskah ini pernah digunakan dalam edisi R.O. Winstedt (1932) dan V. Matheson (1982); b/ Naskah R.O. Winstedt dikerjakan (dalam bentuk litograp) pada tahun 1923 dari naskah yang lebih lama. Bentuknya hampir sama dengan naskah Maxwell. Berhuruf Jawi. Di dalamnya ada banyak kesalahan mekanik. Pernah digunakan di semua edisi “Tuhfat an-Nafis”; c/ Naskah Dewan Bahasa dan Pustaka. Tersimpan dalam Perpustakaan DBP Malaysia. Hampir sama dengan naskah Makswell tetapi ciri-ciri fizikalnya lebih baik. Pernah digunakan dalam edisi V.Matheson; d/ Naskah Universitas Leiden. Tersimpan di Perpustakaan Universitas Leiden sejak tahun 1954. Berhuruf Jawi. Pertama kali digunakan dalam edisi V. Matheson tahun 1991. Nama penyalin tidak ada; e/naskah Terengganu. Terdapat pada tahun 1986, tersimpan di Perpustakaan Universiti Malaya (Kuala Lumpur). Tersalin pada tahun 1886 di Terengganu. Berhuruf Jawi. Ciri-ciri fizikalnya baik sekali. Belum diterbitkan. Adapun tentang edisi, maka pada waktu sekarang pada umumnya terdapat 5 edisi dari naskah “Tuhfat an Nafis” yang telah saya namakan tadi. Mengenai TN sebagai sumber sejarah lihat, antara lain: Matheson Hooker,V. «Tuhfat al-Nafis». Sejarah Melayu-Islam. Kuala-Lumpur, 1991, Winstedt R.O.. Malay Text of «Tuhfat al-Nafis».- in: JMBRAS, vol. 10, part. 2. 1932; Matheson V., Andaya B.W. The Precious Gift: Tuhfat al-Nafis, Raja Ali Haji ibn Ahmad. Kuala-Lumpur, 1982. Mengenai *Tuhfat al-Nafis* lihat juga: Denisova T. Tuhfat an-Nafis – dua karangan dengan nama yang sama. In – “Penelitian sumber-sumber sejarah Timur dan cabang-cabang ilmu sejarah yang istimewa” Keluaran 4. Moskow 1995; Denisova T. Tuhfat an-Nafis sebagai sumber sejarah Melayu ab. ke- XVII – XIX. Moskow, 1998; Denisova T. Historiografi negeri Johor (XVII – XIX): tradisi-tradisi, tujuan-tujuan dan cara-cara dicapainya oleh pengarang. “Penelitian sumber-sumber sejarah Timur dan cabang-cabang ilmu sejarah yang istimewa” Keluaran 6. Moskow 2003.

Teks-teks Melayu tersebut merupakan teks-teks yang ditulis dalam bahasa Melayu Jawi dan yang mengandungi maklumat tentang pelbagai aspek kehidupan orang Melayu, termasuk gambaran sistem susunan masyarakat, sistem kerajaan, sistem kepercayaan, sistem akhlak, sistem ekonomi dan lain-lain. Karya-karya tersebut amat berkesan dan berguna dalam kajian historiografi Melayu Islam sebagai satu sumber sejarah yang kompleks iaitu kajian berasaskan beberapa teks sejarah yang mewakili pelbagai zaman dan aliran historiografi. Analisis secara perbandingan dan tekstologi berasaskan pelbagai teks dapat membantu kita supaya memahami situasi sejarah yang nyata dan keadaan masyarakat Melayu dalam pelbagai zaman dan negara. Justeru, para orientalis Barat dan beberapa ilmuwan dari negara-negara lain lazimnya menganggap karangan sejarah tempatan sebagai sumber yang kuasi-sejarah (separa sejarah) iaitu bukan bersejarah, dan tidak boleh dipercayai. Menurut pendapat mereka di dalam teks-teks tersebut dirakamkan terlalu banyak unsur mitos dan kurang penggunaan tarikh-tarikh serta bahan-bahan yang nyata (sebenar). Sifat-sifat tersebut lebih sesuai dengan penulisan dalam genre sastera novel, tapi tidak boleh diterima dalam karangan sejarah.

Memang tidak dinafikan bahawa dalam teks-teks sejarah Melayu Islam pada kurun ke-14 hingga ke-19 wujudnya unsur-unsur mitologi. Kita perlu juga ingat bahawa karya sejarah dalam bentuk babad atau *chronicles* atau *annals*, biasanya ditulis oleh pengarangnya atas titah sultan, untuk memuji Yang Dipertuan Besar Negara serta mempromosikan kepentingan dan pandangan keluarga penaung. Lazimnya teks-teks tersebut berbentuk *panegyric*, misalnya *Peringatan Sejarah Negri Johor* dan *Hikayat Aceh*. Walau bagaimanapun unsur-unsur mitos dan puji-pujian tidak boleh dijadikan alasan supaya menafikan penggunaan teks-teks Melayu lama sebagai sumber sejarah yang boleh dipercayai. Cuma seorang pengkaji perlu menyemak setiap maklumat yang terdapat dalam karya-karya tersebut secara kritis dan terperinci supaya beliau dapat menyaksikan kebenarannya. Kritikan merupakan satu bahagian yang utama dan alat yang mestи digunakan dalam setiap kajian ilmiah. Lazimnya teks asli diubahsuai oleh seorang penyalin dalam keadaan politik yang baru, setelah sultan (penaung yang lama meninggal dunia) dan wakil daripada dinasti yang baru memegang tumpuk pemerintahan. Hasilnya muncul versi atau redaksi (*redaction*) yang baru mengandungi gambaran peristiwa-peristiwa dari sudut pandangan yang baru dan bersifat berlebihan serta rendah.

Dalam karya-karya sejarah Melayu klasik, terdapat banyak maklumat yang menggambarkan suasana ekonomi di negara-negara mengikut pelbagai zaman. Antaranya, termasuklah bahan-bahan yang menceritakan kemakmuran negara, dan tidak kurang pula mengenai kemunduran. Subjek tersebut lazimnya diubahsuai dalam penyuntingan yang seterusnya terutamanya berkaitan dengan perubahan politik atau perlantikan sultan yang baru. Bagi menyaksikan kebenarannya, perlulah diperhatikan dan diingatkan bahawa teks-teks sejarah tersebut biasanya dikarang atas perintah sultan atau orang besar. Oleh itu, pengarang akan mengikut sudut pandangan patronnya dan memasukkan pelbagai kata puji-pujian atas nama

penaungnya di dalam karyanya. Maklumat-maklumat mengenai kemakmuran negara lazimnya digunakan oleh karyawan supaya membuktikan “keadilan” sultan yang pada masa itu memerintah negara. Sebaliknya, untuk menegaskan kezaliman dan ketidakadilan raja yang dianggap sebagai pesaing atau musuh, perawi akan menggambarkan kemunduran negara dan kemerosotan kegiatan ekonomi di dalam hikayatnya. Hal ini menunjukkan bahawa suasana ekonomi dan tahap perkembangannya dianggap oleh pandangan umum masyarakat Melayu sebagai suatu kemahiran “*raja adil*” dan sebagai salah satu bukti legitimasi kerajaannya. Hal tersebut sesuai dengan konsep keadilan yang dirakamkan dalam teks-teks historiografi Melayu Islam dengan tradisi Islam yang meletakkan kemakmuran ekonomi dan kemajuan dalam bidang perniagaan kepada suatu pangkat yang tinggi⁸.

Lazimnya para pengarang karya-karya tersebut membesar-besarkan jasa-jasa patronnya dan melebih-lebihkan darjah kemakmuran negara. Hal ini memang sukar dipercayai bahawa: “*hawa negeri Aceh Dar as-Salam itu sederhana ju, tiada amat sejuk dan tiada amat hangat, daripada lalu cakrawala matahari dari masyrik ke maghrib itu berbetulan dengan bumi negeri itu*” atau bahawa “*segala isi negeri itu daripada manusia dan gajah dan daripada segala binatang yang dalam negeri itu gagah dan berani dan tegar hati*”.

Walaupun begitu maklumat-maklumat tentang kemakmuran atau kemunduran ekonomi itu mengandungi kriteria-kriteria yang tertentu dan dianggap oleh para pembaca serta pandangan umum sebagai tanda unsur-unsur kemajuan negara atau kemerosotannya. Analisis karya-karya sejarah Melayu Islam menunjukkan bahawa catatan-catatan tersebut terdapat di dalam semua teks yang dikaji. Kriteria-kriteria kemakmuran dan kemunduran negara yang dirakamkan adalah hampir sama. Maka, dalam historiografi Melayu Islam timbul dan berkembang suatu konsep kemakmuran dan kemunduran negara yang kompleks dan sempurna. Konsep tersebut sesuai dengan konsep keadilan raja atau negara, yang telah dijelaskan sebelum ini. Hal ini membuktikan bahawa historiografi Melayu Islam dapat dianggap sebagai suatu kompleks intelektual yang sempurna dan semulajadi.

Dalam teks-teks Melayu Islam terdapat, antara lain:

Sumber	Maklumat	Kriteria
HRP	<i>Maka negeri yang kedua itu (Samudera dan Pasai - T.D.) pun terlalu ramai dan makmur segala rakyat dalam negeri itu dan beberapa daripada gajah dan kuda jenuhlah makanannya dan beberapa daripada segala rezeki yang lain</i>	-orang ramai -makanan banyak -rakyat makmur

⁸ Tentang pandangan Islam terhadap kemakmuran ekonomi lihat antara lain: Syed Muhammad Naquib al-Attas (1993), *Islam and Secularism*, Kuala Lumpur: ISTAC dan Auni bin Haji Abdullah (2001), *Islam dan Perdagangan dalam Sejarah Alam Melayu*, Kuala Lumpur.

Sumber	Maklumat	Kriteria
	<p>tiada terhisabkan banyaknya pada zaman baginda kedua bersaudara itu. (HRP 52(26))</p> <p><i>Maka terlalu masyhur adil baginda serta dengan makmurnya negeri itu, terlalu sekali ramainya, gegak gempita dalam negeri serta segala makanan pun terlalu makmur pada zaman itu. Dan orang datang pun tiada lagi berkeputusan kepada tiap-tiap negeri yang takluk kepada baginda itu segala jajahan yang di seberang lautan, jangan dikata lagi yang di dalam sekalian tanah Jawa yang di Pesisir dari kulon sekulonnya, dan dari wetan sewetannya, dan yang di darat sampai ke Segera Kidul, sekaliannya datang mengadap Sang Nata dengan uftinya dan persembahnya datang; ... ada lilin, ada cendana ada mesui ada kayu manis ada pala dan cengkih, terlalu banyak bertimbun, dan lagi beberapa daripada ambar dan kesturi. Maka terlalu ramainya negeri Majapahit itu, sentiasa dengan gendang gong dan joget dengan pelbagai jenis segala bunyi-bunyinya angrarangin bunyinya dengan pelbagai warna permainan seperti wayang wong dan wayang kulit dan topeng dan joget tandak bedaya dan jentera beksan, terlalulah sekali ramainya malam siang negeri Majapahit itu dengan kesukaannya juga dan segala makanan pun terlalulah makmur dalam negeri itu, karna orang datang sana sini pun, tiada lagi tepermanai banyaknya. (HRP 131-132 (66-67))</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> -orang ramai orang datang sana sini - makanan banyak - kawasan jajahan luas - ufti (dagangan) - alat-alat muzik berbagai-bagai - persembahan dan hiburan-hiburan tanpa berhenti
SM	<p>Dahulu kala negeri itu negeri besar, kotanya batu hitam. ... Adapun nama rajanya Raja Culin. Segala raja-raja yang dibawah angin itu sekaliannya dalam hukumnya". (SM 9(12))</p> <p><i>Maka raja Syulan berbuat sebuah negeri terlalu besar, kotanya daripada batu hitam, tujuh depa tebalnya, tingginya sembilan depa. Daripada pandai segala utas yang berbuat dia itu tiadalah kelihatan rapatannya lagi rupanya seperti dituang. Pintunya daripada besi melela bertatahkan emas bermata. Bermula peri luas kota itu tujuh buah gunung didalamnya. (SM</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> -kota dari batu -kawasan jajahan luas -negeri besar - kota dari batu

Sumber	Maklumat	Kriteria
11(14))		
	<p><i>Negeri Singa Pura pun besar. Maka segala dagang pun berkampunglah terlalu ramai. Maka masyhurlah kebesarannya itu segala “alam. (SM 25(30))</i></p>	-negeri besar -dagangan ramai -termasyghur di dunia
	<p><i>Negeri Pasai makin besarlah, terlalu ramai. (SM 40(48))</i></p>	-negeri besar -orang ramai
	<p><i>Sebermula berapa lamanya Sultan Muhammad Syah di atas kerajaan maka terlalulah ‘adil baginda pada memeliharkan segala ra’yat. Maka negeri Melaka pun terlalu besarlah dan segala dagang pun berkampung, dan jajahan Melaka pun makin banyaklah. Arah dari Barat sehingga Beruas Unjung, arah Timur hingga Terengganu Ujung Karang. Maka masyhurlah dari bawah angin datang ke atas angin bahawa negeri Melaka terlalu besar, syahdan rajanya daripada bangsa anak cucu Iskandar Zulkarnain. Maka raja-raja pun sekaliannya datang ke Melaka mengadap Sultan Muhammad Syah. Maka oleh sultan segala raja-raja yang datang semuanya dihormati oleh baginda dengan sepertinya dan dianugerahai persalin yang mulia-mulia dan dianugerahai arta emas perak terlalu amat banyak. (SM 55-56(65))</i></p>	- negara besar - dagangan ramai kawasan jajahan luas - termasyghur di dunia
	<p><i>Maka masyhurlah kebesaran negeri Melaka dari atas angin datang ke bawah angin. Maka oleh segala Arab dinamainya Malaqat. Pada zaman itu sebuah pun negeri menyamainya Melaka, melainkan Pasyai, Haru. Tiga buah negeri itu tuha muda pun rajanya berkirim salam juga tetapi orang Pasyai barang dari mana surat datang dibacakannya sembah juga”. (SM 96(116))</i></p>	-termasyghur di dunia -negara besar
	<p><i>Setelah Seri Maharaja jadi bendahara maka negeri Melaka pun makin ma’murlah lagi dengan ramai karena Bendahara Seri Maharaja terlalu adil lagi dengan murahnya, syahdan terlalu sangat memeliharkan segala dagang, lalu terlalu baik pada membawa orang. Maka akan</i></p>	- [isi] negara ramai - perdagangan -pelayaran

Sumber	Maklumat	Kriteria
	<i>adat apabila kapal dari atas angin akan belayar ke Melaka, serta ia membongkar sauh maka selawatlah mu' alim. (SM 132(166))</i>	
	<i>Adapun akan negeri Melaka pada ketika itu terlalu sekali ramainya; segala dagang pun berkampung. Maka dari Air leleh datang ke hulu Muar pasar tiada berputusan lagi, dari sebelah Kampung keling lalu ke kuala Penajuh tiada berputusan. Jika orang pergi-pergian datang ke Jurga tiada membawa api lagi, barang ke mana berhenti di sana adalah rumah orang. Demikian kebesaran Melaka, pada zaman itu ra'yat di dalam negeri Melaka juga sembilan belas laksa banyaknya, lain daripada ra'yat segala teluk rantau dan segala jajahan Melaka. (SM 155(198))</i>	-[isi] negara ramai - dagangan ramai - orang ramai
HA	<i>... maka negeri pun terlalu ma'mur dan beras padi pun terlalu murah dan bandar pun terlalu ramai dan jong kapal pun ada datang tiada berkeputusan dengan membawa segala mata benda yang indah-indah dan segala pohon kayu pun bertaruk muda dan segala bunga-bungaan pun kembanglah dan segala pohon kayu yang tiada berbuah itu pun jadi berbuah. Maka segala buah-buahan pun terlalu murah/ Maka segala isi negeri dan segala dagang-dagang pun terlalu sukacita” (HA 115-116 (48-49))</i>	-beras murah -bandar ramai - dagangan ramai -pelayaran -kapal-kapal dari luar -hasil-hasil pertanian -isi negara bersukacita
	<i>...galian mas yang merah yang sepuluh mutu dan tanah cempaga kudrati yang netiasa mengalir di atas bukitgalian itu dan beberapa daripada kolam minyak tanah kudrati yang tiada lagi berkurang minyaknya daripada kolam itu; dan yang terbit daripada segala haiwan dalam rimbanya, daripada paizhar dan jebat dan air madu dan liln dan daripada isi bukit rimbanya, beberapa dari pohon kayu yang dalamnya kapur dan kemenyan yang putih dan hitam dan daripada pohon kayu khelembek dan gaharu dan cendana dan dammar dan lada dan pilpil diraz dan beberapa daripada galian yang lain dan daripada segala pohon kayu yang lain dari itu. Dan ada dalam negeri itu di atas bukit yang</i>	- Perlombongan /galian kaya dan dimaju -hasil-hasil pertanian ramai dan murah - air tawar banyak -ikan banyak -suasana ekologi selamat -orang ramai -saudagar-saudagar dari

Sumber	Maklumat	Kriteria
	<p>tinggi suatu laut, airnya tawar yang manis. Maka pada ketika bertiu angin berbangkit ombaknya dan ketika berhenti angin teduh ombaknya seperti ‘adat laut yang besar itu. Maka ada dalam laut itu beberapa ular-ular yang besar kepalanya seperti kepala kuda dan mukanya seperti muka kuda. Maka segala ikan yang ada di dalam laut yang besar itu adalah di sana. Maka segala ada isi laut yang besar itu pun adalah dalam laut itu. Maka keliling tepi laut itu dikediami manusia yang tiada terhisab banyaknya. Maka sekalian mereka itu ta’luk ke Aceh dar-as-Salam.</p>	luar ramai -dagangan ramai - hawa sederhana - suasana ekologi selamat -senjata banyak - termasyghur di dunia
	<p>Dan ada suatu sungai dalam negeri Aceh Dar as-Salam yang terbit mata air daripada bukitnya lalu mengalir ke laut itu. Airnya terlalu manis lagi akan penawar. Maka beberapa daripada orang sakit apabila mandi ke dalam sungai itu maka di’afiatkan Allah Ta’ala penyakitnya dan beberapa daripada orang yang sakit apabila diminumnya air sungai itu maka di’afiatkan Allah Ta’ala penyakitnya. Dan beberapa dagang-dagang daripada ‘Arab dan Ajam dan Rumi dan Mughul dan segala Hindi yang melihat sungai itu dan merasa mandi dalam sungai itu dan merasa minum air dari sungai itu, maka jadi ia mengucap syukur akan Allah Ta’ala peserta dengan hairannya dan dahsyatnya dan terbit daripadanya kata: ‘Ah, beberapa lah negeri yang kami datangi dan kami lihat, dalamnya sungai tiada seperti sungai Aceh Dar as-salam ini pada citarasanya dan pada manfa’atnya akan jasad manusia dan telah ada suatu sungai yang mata airnya terbit daripada guha batu. Maka airnya terlalu amat sejuk lagi amat manis. Maka nama air sungai itu Dar al-‘Isyki. Maka segala raja-raja akan air santap daripada air itulah.</p>	
	<p>Dan ada hawa negeri Aceh Dar as-Salam itu sederhana juga, tiada amat sejuk dan tiada amat hangat, daripada lalu cakrawala matahari dari masyrik ke maghrib itu berbetulan dengan bumi negeri itu. Maka dari kerana itulah segala isi negeri itu daripada manusia dan gajah dan daripada segala binatang yang dalam negeri itu gagah dan berani dan tegar hati; daripada</p>	

Sumber	Maklumat	Kriteria
	<p><i>manusia isi negeri itu dijadikan Allah Ta'ala kuat bicaranya dan banyak muslihatnya pada mengikat perang tatkala berhadapan dengan seteru. Maka raja-raja yang telah lalu pada masanya kerajaan daripada nini datu Seri Sultan Perkasa 'Alam tiada kelenggara akan kota negri melainkan Kota Buruj ninpun hanya tempat mengantarkan bedil yang besar-besar dan segala senjata yang besar-besar yang tiada tepermanai banyaknya akan mengawali kuala negeri jua, daripada dijadikan Allah Ta'ala keras hatinya dan keras budinya dan kuat bicara pada melawan segala seteru itu, daripada dinyatakan Allah Ta'ala pada cermin hati kenyataan keras dan kuatnya itu dengan segala hulubalangnya yang amat gagah lagi amat berani dan dengan segala gajah yang amat gagah lagi yang amat berani yang tiada tepermanai banyaknya itu.</i></p> <p><i>Maka dengan takdir Allah Ta'ala maka ta'rif Aceh Dar as-Salam seperti tersebut itu telah masyhurlah kepada segala isi 'alam hingga sampai ke negeri Mekkah Allah yang mulia itu dan Madinah Nabi Allah yan mulia itu". (HA 231(94) - 237(96))</i></p>	
	<p><i>... dan ada dalam negeri itu sebuah masjid terlalu besar dan terlalu tinggi kemucaknya daripada perak yang berapit dengan cermin balur. Maka ada segala orang yang sembahyang dalamnya terlalu banyak. Maka pada penglihat kami yang diperhamba yang mengatasi banyak orang sembahyang daripada dalam masjid itu hanya dalam masjid yang dalam Haram Mekah Allah yang mulia itu jua. Maka ada luas masjid itu seyojana mata memandang dan ada mimbarnya daripada mas dan kemucak minbar itu daripada suasa. Maka ada disebutkan orang pada puji-pujian di mulut orang banyak "Sayyidina as-Sultan Perkasa 'Alam Johan Berdaulat sahib al-barrain wa'l-bahrain", ya'ni tuan kami Sultan Perkasa 'Alam yang mengempukan dua darat dan dua laut, ya'ni darat dan laut masyrik maghrib. dan ada dalam negeri itu beratus-ratus mesjid Jum'at. Syahdan telah ada pekerja'an Johan 'Alam kerajaan</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> -pembangunan masjid -orang ramai -termasyghur di dunia -masjid-masjid banyak -kapal-kapal ramai -pembangunan kota dan bandar -bandar ramai

Sumber	Maklumat	Kriteria
	<p>dalam negeri Aceh Dar as-Salam itu netiasa menyuruhkan segala hulubalang dan segala ra'yat kecil besar mendirikan agama Allah dan rasul-Nya. Syahdan netiasa Johan 'Alam itu memeri titah kepada segala wazir baginda itu menyusun ghurab yang besar-besar diniatkan niat mujahid dan ghaza dengan segala kuffar 'alaihi'l-la'nat. Dan akan akan negeri itu tiada berkota seperti 'adat kota negeri yang lain dengan kerana amat banyak gagah perang yang dalam negeri itu". (HA 236(95-96))</p>	
HS	<p>Ada berapa lamanya akan tanah Bangka pun senanglah, tiada ada orang yang jahat. Senanglah orang berdagang di tanah Bangka dan Palembang. (HS 639(268))</p> <p>...yang bermula pindah ke Sikudana Encik Yahya, di kampung Teluk. Orangnya tiga puluh orang, dari Kubu. Dan Khatib Uban, dari simpang, diam di Tambak Ruang, lima puluh orang, laki-laki dan perempuan. Dan Tengku sahak pindah dari Pontianak enam puluh tiga orang. dan silawatang, pindah dari kayung, seratus orang, laki-laki perempuan, pindah ke Sikudana. Dan tengku Anum dengan bondanya, dua puluh lima orang. Dan Kiyai Sampit dari Simpang, lima puluh tiga orang, diam di Malinum. dan semuanya tatkala bermula Sikudana, semuanya laki-laki dan perempuan, tujuh ratus delapan puluh tujuh orang.(HS 643(271))</p>	<ul style="list-style-type: none">- tidak ada orang yang jahat- perniagaan maju [sejarah perkembangan negara]- tenaga kerja ramai- migration
TN	<p>Syahdan pada kerajaan baginda Sultan Muhammad Syah inilah yang tersangat adil serta ramailah negeri Melaka itu serta amannya. (TN 6(8))</p> <p>Maka ramailah negeri Johor itu serta masyhurlah adatnya yang halus-halus, apalagi bahasanya. (TN 46(49))</p> <p>...duduklah ia (Kelana Jaya Putera = Dayeng Marewah) membaikkan negeri dan mengukuhkan akan dia, serta meramaikan akan dia itu, iaitu</p>	<ul style="list-style-type: none">-[isi] negeri ramai-keamanan-[isi] negara ramai-adat halus-[isi] negara ramai-negara

Sumber	Maklumat	Kriteria
	<i>Riau adanya. (TN 80(82))</i>	diperbaiki oleh raja adil [isi] negara ramai - perdagangan maju - pembangunan kubu-kubu - perkapanan - senjata dan ubat peluru banyak - senjata banyak - askar-askar ramai
	<i>Maka tetaplah ia (opu-opu) di dalam Riau bicara meramaikan negeri Riau dengan perdagangan, serta mengukuhkan negeri dengan membuat kubu-kubu serta menyediakan beberapa kelengkapan penjajah perang, serta disediakan dengan orang-orangnya dan ubat pelurunya, demikian hal sehari-hari. (TN 85(88))</i>	
	<i>Maka banyaklah binasa kelengkapan Raja Kecik itu, kerana alat kelengkapan Riau banyak yang besar-besar, meriam pun besar-besar juga, pendayung rakyat, petikaman Bugis. (TN 107(110)).</i>	- [isi] negara ramai - dagangan ramai - saudagar-saudagar dari luar - perniagaan maju - pelayaran - pertanian maju - tenaga kerja ramai
	<i>Adalah pada masa ini negeri Riau itu ramai, serta dengan makmurnya dan segala dagang dari pada negeri jauh-jauh pun datanglah dan beberapa kapal-kapal dari Benggal membawa apiun, dan lain dagangan, dan perahu-perahu dagang pun di Kuala Riau, daripada kapal-kapal dan keci-keci, dan selub, dan sanat, dan wangkang dan tob Siam. Dan apalagi di dalam sungai Riau segala perahu-perahu rantau seperti bercucuk ikanlah, bersambung, berpendaratan.</i>	- migration - untung banyak - cukai-cukai - orang kaya-kaya ramai - perkapanan
	<i>...Pada masa inilah Yang Dipertuan Muda Opu dahing Cellak menyuruh ... mengambil benih gambir sebelah tanah Pulau Perca di bawa ke Riau memulai bertanam gambir. Maka bertanam gambirlah segala bugis-bugis dan Melayu-Melayu. Maka membuatlah orang Melayu dan Bugis beberapa ratus ladang dan beberapa ratus ladang gambir. Adalah kuli-kulinya yang masuk itu segala Cina-Cina yang datang dari Cina. Maka apabila jadilah gambir itu, maka semakin ramailah Riau. Maka datanglah segala perahu-perahu dagang dari timur seperti jawa dan Bugis. Maka berpalulah dagangan jawa dengan gambir, makin sukalah segala dagang-dagang masuk Riau itu, kerana segala dagangannya berlawan sama dagangan pulang perginya</i>	

Sumber	Maklumat	Kriteria
	<p>untung banyak. Syahdan maka baginda Sultan Suleiman serta yang Dipertuan Muda ... serta orang besar-besar sekalian, banyaklah beroleh hasil daripada cukai-cukai dan labuh batu. Maka tatkala demikian itu halnya, maka banyaklah orang-orang negeri yang kaya-kaya dan kelengkapan pun banyaklah yang sedia. maka hak itulah dibahasakan oleh orang Riau baik bahasa orang tuha-tuha, zaman dahulu Riau baik.</p> <p>kemudian daripada itu pada masa Yang Dipertuan Muda Dahing kamboja rosak pula sebentar. Kemudian baik pula semula, hingga sampai kepada yang Dipertuan Muda Raja haji, mangkin ramailah. ... Syahdan apabila sudah mangkatlah yang Dipertuan Muda raja haji Riau pun rosaklah". (TN 119(121-122))</p>	
	<p>... dan sanak saudaranya ... susah meramaikan negeri memeriksa laut-laut, teluk rantau, tokong pulau jajahan daerah johor. kemudian maka tetaplah kerajaannya pulang seperti pangkat darjatnya ayahanda bagindanya. (TN 123(128))</p>	-[isi] negara ramai -kawasan jajahan luas dan dijaga oleh raja adil
	<p>Maka negeri Riau pun ramailah dan segala perahu-perahu dagang pun datang daripada pihak barat dan timur, dan wangkang pun masuklah berniaga bellawan dengan dagangan-dagangan yang dari sebelah timur itu. Maka perahu teluk rantau pun datanglah membawa dagangan teluk rantau penuh sesaklah bercucuk ikan, daripada kuala hingga ke kampung Cina, dan kapal-kapal keci pun datanglah lima enam buah. Maka amanlah Riau pada masa itu serta banyaklah mendapat hasil-hasil negeri adanya. Syahdan Yang Dopertuan Muda pun membuatlah istana di pangkalan Rama. Maka Raja Haji jadi kelana memerintahkan kerajaan di bawah Yang Dipertuan Muda serta membetulkan tokong teluk rantau serta melihat-lihat segala raja-raja dan penghulu-penghulu di dalam teluk rantau itu, siapa-siapa yang betul dan siapa-siapa yang tiada betul. maka ialah yang membetulkannya atau memerangi. (TN 155(164-165))</p>	-[isi] negara ramai - dagangan ramai -kapal-kapal dan saudagar-saudagar dari luar -perniagaan maju - keamanan - hasil-hasil negeri banyak - pembangunan istana - kawasan jajahan luas dan di perintahkan oleh raja adil

Sumber	Maklumat	Kriteria
	<p><i>Maka tiadalah lain pekerjaannya (Yang Dipertuan Muda Dahing Kemboja) melainkan membesarkan perniagaan di dalam negeri Riau. maka dapatlah beberapa perahu dagang dari jauh-jauh, datanglah kapal-kapal dan keci-keci dari Benggal membawa dagangan Benggal berpuluhan-puluhan buah, dan dari Cina datang pula wangkang-wangkang kepala hijau, dan kepala merah/ berpuluhan-puluhan, dan datang pula tob-tob dari Siam membawa dagangan Siam berpuluhan-puluhan buah, dan datang pula perahu dari jawa, selub dan senat dan tiang sambung dan pencalang berpuluhan-puluhan dan apalagi perahu dari bugis berpuluhan-puluhan buah pedenakan apalagi perahu-perahu rantau-rantau seperti cucik ikan di dalam Sungai Riau daripada kuala sampai ke Kampung Cina. Maka berpalulah dagangan Cina-Cina dengan dagangan Jawa, demikian lagi berpalu dagangan jawa dengan dagangan Riau, seperti gambir dan saudagar Cina banyaklah; apalagi saudagar Bugis peranakan banyaklah juga, dan pada masa itu banyaklah orang kaya-kaya di dalam negeri Riau itu. Adapun yang Dipertuan Muda selalu juga menyuruh pulang pergi ke Melaka kerana waktu itu sudah berdamai Yang Dipertuan Muda dengan Kompeni Holanda, iaitu damai dan bersahabat antara yang Dipertuan Muda dengan kompeni Holanda; dan di dalam negeri Riau beraturlah orang besarnya daripada syahbandar dan mata-mata melayani segala dagang-dagang serta memeliharaikan orang dagang-dagang; dan penajab berratus-ratus buah, yang sedia empat lima puluh turun, empat lima puluh naik galangan gala-gala; dan segala meriam-meriam pun digantunglah. Apabila gaduh dikatakan sahaja haluan penajab itu supaya lekas membantu; dan ubat bedil pun membuat sendiri berkoyan-koyan. Maka lalu sendawa-sendawa di dalam Riau, demikian lagi peluru-peluru membuat juga; ada yang dari Cina tukangnya dan menuangnya, demikian halnya di dalam beberapa masa dan ketika.(TN 168(178-179))</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> -perniagaan maju - kapal-kapal dari luar ramai - pelayaran - dagangan ramai - saudagar-saudagar ramai - orang kaya-kaya ramai - undang-undang perdagangan adil - perkapalan - senjata banyak - ubat peluru dibuat sendiri

Sumber	Maklumat	Kriteria
	<p>Ada kira-kira empat hari, tiada yang berketewasan kerana negeri Kedah pada masa itu tengah makmur kaya, cukup ubat pelurunya, beberapa kapal dan keci yang di dalam sungai Kedah itu serta orangnya pun ramai dan makanannya sehari-hari tiada kurang, negerinya pun besar lagi berhulu, dan dapat makanan dari hulu, itulah sebabnya menjadi payah sikit tiada mengambil makanan-makanan daripada luar melainkan mengaduh untung tuah dan berani jua adanya. (TN 201(216))</p>	-negara kaya -ubat peluru banyak - kapal-kapal ramai - makanan bayak - negara besar - orang ramai -untung banyak
	<p>Adalah pada masa Yang Dipertuan Muda Raja Haji menjadi Yang Dipertuan Muda itu, makin ramai dan bertambah ramainya negeri Riau, serta dengan makmurnya serta dengan orang-orang yang di dalam Riau itu banyaklah yang kaya-kaya seperti Sayid Husain Aidid adalah diam di Sungai Timun cukup dengan gedungnya serta dengan perahu-perahu tiang sanbungnya pulang pergi ke tanah Jawa bernesaga, dan beberapa pula saudagar-saudagar Cina dan Bugis dan beberapa pula kapal dan keci dan wangkang kepala merah dan kepala hijau, berpuluhan-puluhan buah, demikian lagi kapal dan keci demikian jua banyaknya yang berlabuh di dalam negeri Riau dan pulang pergi bernesaga di dalam negeri Riau itu apalagi perahu-perahu Bugis dan perahu-perahu jawa dan tob Siam beratus-ratus yang berlabuh di dalam negeri Riau itu, istimewa pula perahu-perahu rantau jangan dikata lagi bercucuk ikanlah daripada kuala hingga sampai ke Kampung Cina. Syahdan maka baginda Yang Dipertuan Besar serta Yang Dipertuan Muda serta raja-raja Bugis dan Melayu banyaklah mendapat hasil-hasil dan cukai-cukai dan antara-antaranya Cina wangkang itu dan tob Siam seperti segala mangkuk pinggan dan piring yang halus-halus dan yang kasar-kasar beberapa gedung. Apalagi seperti kain perbuatan Cina seperti dewangga dan kimka dan belakang parang dan satin beratus-ratus gulung dapatnya di dalam setahun angin. Dan segala tuan-tuan seyid pun banyaklah datang dari tanah Arab apalagi lebai Jawa</p>	[isi] negara ramai - orang kaya-kaya ramai - pelayaran - saudagar-saudagar dari luar - perniagaan maju - hasil-hasil negara dan cukai-cukai banyak - dagang-dagang ramai - rumah wakaf dan masjid-masjid penuh - wang berbagai jenis - perkapalan - senjata banyak - suasana aman - makanan murah - untung-untung besar - dagangan-dagangan murah - orang ramai

Sumber	Maklumat	Kriteria
	<p>hingga penuh tunpatlah di rumah wakaf dan masjid dan segenap surau orang besar-besar itu dan orang kaya-kaya itu. Apalagi malam Jumaat berkumpullah ke dalam semuanya maulud nabi. Maka selesai daripada maulud memberi sedekah, ada yang kena jekketun, ada yang dapat ringgit, ada yang dapat rupiah. dan alinnya daripada malam Jumaat itu beberapa pula permainan yang bermain seperti joget dan wayang. Dan beberapa pula penjajab perang yang sudah sedia di pelabuhan serta cukup ubat pelurunya serta dengan panglima-panglimanya dua tiga puluh turun dua tiga puluh naik ke darat. Adapun segala meriamnya pun digantunglah apabila datang sesuatu hajat baginda, maka didekatkannya sahajalah penjajab-penjajab itu. Maka diturunkannya meriamnya. Dan yang Dipertuan Muda pun selalulah bermain-main dan berkayuh-kayuh serta bergonggong dan budian sersama-sama, iaitu ke pulau bayan dan ke terkulai dan bersiram ke Senggarang dan alinnya adanya.</p> <p>Syahdan demikianlah di dalam beberapa tahun bersuka-sukaan kerana negeri pun aman lagi makmur, makan=makanan pun murah dan segala orang-orang bermiaga pun banyak untung seperti gambir dibeli dua jekketun di dalam Riau dijual di tanah jawa berganda-ganda untungnya sampai dijual delapan jekketun sepikul, terkadang sampai sepuluh jekketun. Dan beras Jawa dapat tiga rupiah benggal sepikul. dan apalagi makanan yang lainnya seperti gula batu dan gula pasir dan bawang dan lainnya daripada makan-makanan , sebab itu lah menjadi makmur negeri. Demikian lagi sutera berharga lima suku sekati dan embalau harga tiga rial sepikul dan kain sutera tenun Siantan harga lapan ringgit sehelai, dan seluar harga lima rial sehelai, demikian yang tersebut kaul siarah Haji Podi. Dan beras Siam sepuluh ringgit sekoyan. Syahdan tersebut di dalam tawarikh Tok Ngah adalah banyaknya orang di dalam sungai negeri Riau, iaitu sembilan laksa. Kata setengah kaul lima laksa orang Melayu yang kecil besarnya jantan betina, dan luar rakyat di laut-laut dan</p>	

Sumber	Maklumat	Kriteria
	<p>empat laksa Bugis jati, serta peranakan kecil besar jantan betina lapan ribu Bugis di Sungai Timun, dan dua ribu di pulau Biram Dewa dan pangkalan Rama dan di Sungai baru dan lain-lainnya tempat dan enam ratus anak raja-raja, delapan puluh orang kaya-kaya dan saudagar-saudagar Bugis dan tuan-tuan dan lain Cina-Cina dan keling-Keling. Syahdan adalah jenis-jenis makan-makanan semuanya murah di dalam negeri Riau melainkan jenis-jenis daripada kain cita-cita Eropah dan sakhlat dan kain putih dan kain antelas dan sapu tangan batik dan kain batik, iaitu khabar orang terlalu mahalnya. (TN 218-219(234-236))</p>	
	<p>Maka dengan takdir Allah Taala maka terbukalah tanah Singkep, maka Baginda Sultan Mahmud pun menyuruhlah orang-orang Melayu dan peranakan Bugis mengerjakan timah-timah disitu serta diaturkannya masing-masing dan masing-masing bahagian dan datanglah kapal-kapal Inggeris ke situ meninggalkan beberapa wang cengkeramnya timah pulang pergi. Maka dapatlah sedikit-sedikit rezeki dan kehidupan orang-orangnya. Dan perahu-perahu dari negeri timur pun datang juga membawa beras ke Lingga (dan beras-beras dari rantau-rantau pun datang juga. dan wangkang-wangkang dari China pun datang juga. (TN 265-266(287))</p>	<ul style="list-style-type: none">- Perlombongan/galian kaya dan dimaju- tenaka kerja ramai- migration- perniagaan maju- kapal-kapal dan saudagar-saudagar ramai
	<p>Maka baginda pun berangkatlah ke negeri Lingga membelulkan negeri Lingga pula serta mengeluarkan hasil hasil di sana daripada timah-timah di Pulau Singkep diaturkan bahagian makanan orang besar-besar dan orang baik-baik yang di dalam negeri Lingga. Maka ramailah negeri Lingga masuklah perahu dagang dari Jawa dan wangkang-wangkang dari negeri Cina dan dari siam dan lainnya. Adapun negeri Riau itu Yang Dipertuan Muda Raja Alilah memerintahkannya sebagaimana adat pemerintahan Yang Dipertuan Muda. Maka membuatlah ia istana di Pulau Bayan dan duduklah ia di pulau bayan dan tetap ia di dalam kerajaan serta ia menuntut ilmu berbuat ibadat.</p>	<ul style="list-style-type: none">- Perlombongan/galian kaya dan dimaju- pembahagian hasil-hasil diaturkan- orang ramai- kapal-kapal dari luar ramai- perniagaan maju- pembangunan istana [isi] negara

Sumber	Maklumat	Kriteria
	<p>Adalah gurunya itu satu orang Mandura namanya Syeikh Abd al-Ghafur adalah tarekatnya itu Khalwatiyah (iaitu Sammaniyyah)... serta meramaikan negeri Riau itu drngan perdagangan adanya. (TN 292(316))</p> <p><i>Maka amanlah negeri Lingga itu serta mendapat makanan daripada tanah singkep. Dan adalah yang membaikkan negeri daripada kota parit dan perdalam baginda (Sultan Abd al-Rahman, serta</i></p> <p><i>kelengkapan penjajah perang serta menyediakan baris senapang itu ... Maka adalah segala mereka ... menjaga negeri Lingga . Tiadalah berhenti segala mereka itu suruh menyuruh mengadap Yang Dipertuan Muda ke Riau ... maka iaitu tiadalah tersembuni apa-apa perbuatan di dalam Lingga itu. Maka jika terkena kepada pekerjaan yang besar, maka berangkatlah Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar sendiri ke Lingga, maka apabila selesai lah baliklah pula ia ke Riau. (TN 303(329))</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> - ramai -dagangan ramai <ul style="list-style-type: none"> -keamanan - Perlombongan /galian kaya dan dimaju <ul style="list-style-type: none"> - pembangunan kota, bandar - orang ramai
	<p><i>Kemudian telah putus musyawarah itu lalulah Yang Dipertuan Muda menyerahkan Pulau Kerimun dan Kundur itu kepada saudara sepupunya Raja Abdallah, dan Pulau Kundur itu jadi ketetapan selama-lamanya kepada raja Ali Haji berdua saudara dengan Raja Abdullah itu pada mengamanahkannya pada meramaikannya dan hasil-hasilnya dibahagi lima seperti yang tersebut di dalam surat kuasanya itu. Melainkan Pulau Kundur tiada masuk bahagian yang lima itu. Kemudian maka Raja Abdullah pun pergilah ke Pulau karimun/ Syahdan apabila sampai lah ... dikumpulkannya segala orang-orang Kerimun yang berpecah belah itu yang ke sana ke mari, mama-mana yang berhutang dibayarlah hutangnya disuruh balik semula ke Karimun. ... Di dalam beberapa bulan lamanya mengeluarkan belanja mengumpulkan orang-orang itu. maka berkumpullah mereka itu sedikit-sedikit serta diperintahkan mereka itu dengan jalan yang patut, lama-lama ramailah Karimun itu. Dan</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> Pembahagian kawasan - hasil-hasil negara banyak - sokongan isi negara dari hasil-hasil negeri - tenaga kerja - migration - orang ramai - perniagaan maju

Sumber	Maklumat	Kriteria
	<p><i>Cina-Cina pun datang ke Karimun minta hendak mengambil kayu-kayu dan papan serta membayar hasil-hasil, mangkin ramailah Pulau Karimun itu. ...datang pula seorang Holanda anak residen yang bernama Pendan Berekh, minta hendak mencebak timah-timah itu di Pulau Karimun ... Maka apabila putus muafakatnya itu maka lalulah berbuat surat perjanjian dengan Pendan Berekh itu. Maka Pendan Berekh itu pun pergilah ia ke Karimun berbuat pondok-pondok, ia diam di situ, iaitu pada tempat yang bernama Munas. Maka di dalam tiada berapa lamanya maka ramailah pula tempat itu maka mangkin sehari mangkin ramai hingga beribulah orang-orang disitu. (TN 426-427(437)).</i></p>	

Bahan-bahan mengenai situasi ekonomi di negara-negara Melayu turut memuatkan penggambaran keadaan kemunduran ekonomi yang biasanya akibat perang, pergaduhan di dalam negara, sekatan ekonomi, perompakan lanun-lanun dan sebagainya. Semua keburukan dan kekurangan tersebut lazimnya terjadi kerana raja negeri tersebut memerintah kerajaannya dalam keadaan yang kurang adil atau raja dan pengikut-pengikutnya banyak membuat dosa. Ini ternyata apabila keadaan kemunduran ekonomi itu dianggap oleh pendapat umum masyarakat Melayu Islam sebagai balasan daripada Allah s.w.t atas kezaliman rajanya dan /atau orang-orang besarnya. Hal tersebut sesuai dengan konsep nafsu dan ketidakadilan yang dirakamkan dalam teks-teks sejarah Melayu Islam⁹. Menurut konsep tersebut, dosa yang dilakukan oleh orang yang zalim atau nafsu-nafsu yang membakar hati orang yang zalim itu pada akhirnya *balik* (kembali) menghapuskan orang tersebut: raja yang tidak adil pada akhirnya akan hilang kerajaannya, negara yang tidak adil pada akhirnya mundur dan hilang kebebasannya, setiap perkara yang jahat pada akhirnya menerima balasan daripada Allah s.w.t. Inilah amaran dan nasihat peringatan utama yang dirakamkan dalam semua karya sejarah Melayu Islam pada kurun ke-13 sehingga ke-19.

Dalam teks-teks Melayu Klasik terdapat banyak maklumat mengenai kemunduran ekonomi. Kandungannya berbagai-bagai dan alasan-alasan kemerosotan negara (ekonomi) lazimnya berbeza-beza (hawa nafsu, hukuman yang tidak adil, kerajaan yang tidak adil, peperangan, fitnah, durhaka, ketidaktaatan terhadap Islam dan lain-lain.) Walaupun begitu, analisis maklumat-maklumat tersebut menunjukkan

⁹ Tentang konsep nafsu dan ketidakadilan yang dirakamkan dalam teks-teks Melayu lama lihat: Tatiana Denisova (2011), *Refleksi Historiografi Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

bahawa dalam teks-teks tersebut merakamkan kriteria kemunduran yang sama misalnya seperti di bawah:-

Sumber	Maklumat	Kriteria
HA	<i>Betapa kamu sekalian hendak merajakan kami di negeri Ghori itu karena kami seorang raja yang da'if lagi miskin dan ra'kyat kami pun kurang dan senjata kami pun sedikit. Kerana raja Aceh Dar as-Salam itu raja kuasa dan ra'yatnya dan senjatanya pun tiada terpermanai banyaknya. (HA 251(102)).</i>	- Orang jumlahnya kurang - Orang miskin - senjata sedikit
	<i>Barang tahu kiranya Yang Dipertuan akan segala raja-raja yang di bawah Gunung Ghori itu banyaknya tiga ratus tiga orang dalam miskin. (HA 252(102))</i>	Orang miskin
PSNJ	<i>Kemudian dari itu kata empunya cetera daripada banyak bersalah di dalam negeri, maka negeri pun alah oleh Minangkabau karena sekaloan sayat menyalahi tiap-tiap suku itulah. (PSNJ 10.5)</i>	-kalah dalam perang
	<i>Adapun pada hijrat itulah (1139) permulaan mahal beras di dalam Riau hingga berharga enam cupak se-emas. (PSNJ 16.13-14)¹⁰</i>	- beras mahal
	<i>Yang empunya tarikh, adapun permulaan mahal beras di dalam negeri Riau kepada hijrat Sanat 1139 tahun. Itulah permulaan mahal beras hingga sampailah kepada hijrat 1156, yang beras itu mahal juga datanglah kepada ba'da ini. (PSNJ 30.5)</i>	- beras mahal
TN	<i>Maka kesusahanlah atas segala isi negeri, maka muafakatlah segala orang tuha-tuha dan orang besar-besar, memohonkan Yang Dipertuan Muda serta raja Kecik itu supaya berdamai. (TN 85(88))</i>	- isi negara dalam kesusahan
	<i>Maka pada masa itu (1139) beras mahal di dalam Riau berharga enam cupak seemas, sebab negeri selalu bergaduh. (TN 87(90))</i>	- beras mahal

Pak Senti ... fitnah sebab kerana l - negeri rosak menghelahkan wang orang, sampai rosak negeri 101(104))

Susahlah negeri Pinang Sekayuk itu. Maka mana-mana orang yang menaruh anak bini dan harta benda maka berkemaslah ia, sebab negeri akan rosak juga pada sangka mereka itu adanya. (TN 102(104))

- isi negara dalam kesusahan
- negeri rosak

Syahdan di dalam hal itu antara anaknya yang berdua itu, selalulah berbantah beratas-atas. Maka kata Raja Alam "Aku yang tua dan aku yang patut menjadi raja", dan kata Tengku Mahmud "Aku yang patut menjadi raja, kerana aku anak terlebih utama kerana aku anak yang gahara". Maka di dalam hal itu mangkin sehari mangkin bertambah besar kharabatahnya, mangkin sehari mangkin bersebelahan orang-orang di dalam negeri Siak. ... Ada yang berkelahi dan yang berbantah berpukul-pukulan, ada yang bertikam bermati-mati, mangkin sehari mangkin besar, seumpama api mangkin bernyalah. Maka apabila sudah besar, payahlah memadamkan demikiannya maka memakanlah negeri. maka haru-haralah negeri, apalagi orang miskin kesusahanlah hendak mencari kehidupan, sebab negeri gaduh masing-masing asyik dengan memeliharkan kampung halamannya dan rumah tangganya dan anak isterinya, takut ia dicabuli oleh juak-juak raja-raja itu, kerana antara kedua pihak itu, seolah-olah seperti sama risau. (TN 112(114-115))

Orang-orang bersebelahan
- percaduhan di dalam negeri
- orang miskin kesusahan

... jika sudah selesai daripada pekerjaannya dipersilakan balik saja, karena di dalam Riau pada masa itu beras terlalu mahal. (TN . 117(120))

-beras mahal

Dan negeri (Riau) pun sudah sunyi, beras pun mahallah, hingga berharga seemas tiada penuh sapu tangan sirih. Dan kesakitanlah segala orang-orang miskin, rakyat-rakyat pun banyaklah kelaparan, hingga setengah

-negeri sunyi
-beras mahal
-orang miskin
kesakitan
-rakyat kelaparan

dari pada setengah mengambil umbut nibung dimakannya, apalagi merandau seperti keledek dan ubi (keladi) dengan beras. Maka iaitu kebanyakanlah nama perahu dagang, maka sebuah pun tiada masuk, maka sunyilah negeri Riau pada masa itu adanya. ... “seperkara lagi negeri kita inilah rupanya padahal negeri cukup dengan bendahara, temenggung, serta orang besar-besarnya, maka negeri pun mangkin sehari mangkin rosak, sebab perdagangan sudah mati, kacau oleh Wan Dalam itu, serta suku-sukunya kita Melayu. (TN 148(157-158))

Dan beras pun mahal dan barang yang lain-lain seperti makan-makan pun demikian juga, dan segala perahu dagang hendak masuk pun kepayahanlah berrampas-rampas dengan kapal perang bertarik-tarikkan terkadang-kadang lepas terkadang tiada lepas. (TN 228(247))

Maka pada ketika itu beras mahal di dalam Selangor berharga lima gantang seringgit¹¹ demikian lagi segala makanan yang lain-lainnya”. (TN 249(269))

“Pada suatu kaul sebab tiada jadi dilanggarnya negeri Selangor itu oleh kompeni Holanda sebab kerana banyak sekali saudagar-saudagar di Melaka dan di Pulau Pinang mendakwa gebernur Melaka daripada pekerjaan kompeni Holanda membuat pergaduhan dengan raja-raja orang kulit hitam berpanjanganlah pekerjaan perang bertahun-tahun. Maka sangatlah kerugian atas orang-orang yang berniaga di dalam Melakka dan Pulau Pinang dan lain-lainnya kerana timah-timah yang di dalam negeri Selangor dengan segala pesisirannya, maka tiadalah datang lagi ke Malaka dan ke Pulau Pinang dan segala dagang-dagangan di dalam gedung saudagar-saudagar yang tertentu ke bawah angin itu tidak berjalan lagi. Maka beberapa pula kain-kain saudagar

- perahu dagang
- tidak datang
- negeri rosak
- perdagangan mati

- beras mahal
- makanan mahal
- dagang-dagang dirampas
- sekatan ekonomi

- beras mahak
- makanan mahal

- Perniagaan tidak berjalan
- dagang-dagang bibasa
- orang miskin dalam kesusahan
- kerugian daripada keuntungan
- sekatan ekonomi

yang binasa sebab lama disimpan dimakan hulat dan gegat, dan beberapa lagi pula orang-orang saudagar yang di dalam negeri Melaka yang lekat kepada orang-orang kulit hitam, sebab berpalu sama dagangan. Maka tiadalah dapat menunggunya lagi sebab di dalam pergaduhan sahaja sehari, istimewanya pula orang-orang miskin beberapa bala dan bahaya atas mereka itu.

Demikian lagi di dalam negeri Riau selama-lama kompeni Holanda membuka pekerjaan perang dengan Raja Riau, maka beberapa kerugian daripada keuntungan orang-orang yang bermiaga, dan saudagar-saudagar di dalam negeri Siam dan Cina dan Koci sebab kerana segala mereka itu membawa dagangan ke sebelah tanah Johor juga yang kebanyakannya. Dan demikian lagi beras dari jawa dan Bali semuanya dibawa ke pihak Riau dan Johor juga berpalu sama dagangan gambir dan lainnya, demikian lagi wangkang-wangkang Cina bepalu dagangannya dengan dagangan orang kulit hitam seperti tiang wangkang dan agar-agar dan gamat dan lainnya daripada dagangan wangkang. Apakala sudah kompeni Holanda membuat perang itu semuanya itu terhentilah pekerjaan beberapa kerugian atas orang yang mencari kehidupan. Apalagi orang yang berlayar-layar sepanjang laut di dalam kesusahan ketakutan di dalam berterik beruntun dengan kapal perang dan penjajab terkadang hilang dengan nyawa. Maka adalah pekerjaan yang tersebut itu nyatalah hendak merosakkan dunia yang Allah Taala suruh hidupkan dunia ini dengan jalan yang adil dan makmurnya. Syahdan demikian dakwa segala mereka itu konon kepada gubernur Melaka. (TN 249-250(270))

... dan tiadalah yang tinggal lagi di dalam negeri Riau melainkan Cina-Cina yang di dalam hutan sahaja yang tinggal yang mengambil kuli-kuli kepada orang-orang melayu dan kepada orang-orang Bugis yang berkebun-kebun gambir dan lada hitam. Adapun Cina-Cina menjadi kuli-kulinya itu demikianlah mula-mulanya sebab kerana itulah banyak Cina-Cina yang tinggal tiada pindah ke sana-ke mari. Syahdan rosaklah negeri Riau. ... Nanti susah besar lagi sepuluh tahun pun tiada boleh habis. Jikalau Kompeni Holanda memang pun berpuluhan-puluhan negeri Melayu yang rosak, apalagi di dalam laut semuanya orang kulit hitam sudah jadi perompak semuanya. Kita semua orang-orang Cina pun tiada boleh duduk di dalam Riau lagi. Apa orang Cina mau makan ke laut pun? Tiada boleh lagi takutkan perompok. Maka di dalam Riau ini semua makanan dari luar semuanya.(TN 253-254(275))

Adalah Pulau Karimun pada masa itu hampirlah mati tiada suatu keluar hasil-hasilnya. Adalah orang-orang rakyat-rakyat yang tinggal di Pulau Karimun itu adalah kira-kira empat lima kelamin, lagi yang ada dan yang lain itu habis berpecah belah kesana ke mari membawa dirinya, tiada tertahan kerana dianiyai oleh anak raja-raja yang di laut-laut itu, dan orang jahat-jahat pun selalulah datang ke situ rampas-merampas. (TN 426(437))

- negeri sunyi
- pertanian merosot
- negeri rosak
- lanun/ perompak
- makanan kurang

- Perlombongan/galian kaya dan merosot
- negeri sunyi
- orang jumlahnya kurang
- lanun/perompak

Analisis maklumat-maklumat mengenai suasana ekonomi yang dirakamkan dalam teks-teks Melayu lama memberi peluang untuk merungkai beberapa *konsep kemakmuran/kemunduran negara* dan menentukan ciri-ciri yang digunakan oleh orang Melayu supaya dapat menyaksikan keadaan ekonomi dan darjah perkembangannya. Kriteria tersebut adalah seperti berikut:-

Kemakmuran

(pendudukan, isi negara, tenaga kerja)

orang ramai
rakyat makmur
- [isi] negara ramai
-tenaga kerja ramai
- orang kaya-kaya ramai
-migrasi
-bandar ramai
- rumah wakaf dan masjid-masjid penuh

(suasana dalam negeri, keamanan)

-keamanan
-askar-askar ramai
-adat halus
- tidak ada orang yang jahat
-negara diperbaiki oleh raja adil
-isi negara bersukacita
- persemaahan dan hiburan-hiburan tanpa berhenti

(kawasan, kebesaran negara)

negeri besar
kawasan jajahan luas
-kawasan jajahan dijaga oleh raja adil
Pembahagian kawasan adil

(kapal, perkapalan, pelayaran)

-pelayaran maju
-kapal-kapal dari luar
kapal-kapal ramai
orang datang sana sini
-termasyghur di dunia
-perkapalan

(pembangunan)

-kota dari batu
-pembangunan masjid
-masjid-masjid banyak
-pembangunan kota dan bandar
-pembangunan kubu-kubu

Kemunduran

- Orang jumlahnya kurang
- Orang miskin
-negeri sunyi
-orang miskin
kesakitan

-kalah dalam perang
- isi negara dalam kesusahan
- negeri rosak
Orang-orang bersebelahan
- pergaduhan di dalam negeri

-perahu luar tidak datang
- sekatan ekonomi
- lanun/ perompak

- pembangunan istana

(pembakalan, makanan)

makanan banyak

-beras murah

- makanan murah

-rakyat kelaparan

- beras mahal

-makanan mahal

- makanan kurang

(pedagangan)

- perdagangan maju

-perniagaan maju

- undang-undang perdagangan adil

-dagangan ramai

- dagangan-dagangan murah

-saudagar-saudagar dari luar ramai

-senjata banyak

-senjata dan ubat peluru banyak

- ubat peluru dibuat sendiri

- alat-alat muzik berbagai-bagai

-perdagangan mati

-perniagaan tidak berjalan

-saudagar-

saudagar tidak datang

-dagang-dagang dirampas

- senjata sedikit

(kewangan, pembayaran, cukai-cukai)

- ufti (dagangan) besar

- untung banyak

- wang berbaga-bagai jenis

-cukai-cukai besar dan adil

- hasil-hasil negara dan cukai-cukai banyak

- pembahagian hasil-hasil diaturkan

- sokongan isi negara dari hasil-hasil negeri

-kerugian daripada keuntungan

- pertanian merosot

(pertanian)

-hasil-hasil pertanian banyak

-hasil-hasil pertanian murah

- pertanian maju

(perlombongan)

- Perlombongan /galian kaya dan dimaju

(ekologi)

- air tawar banyak

-ikan banyak

suasana ekologi selesa

- hawa sederhana

Analisis teks-teks sejarah Melayu Islam ini menunjukkan bahawa “*gambaran kemakmuran dan kemunduran*” negara mengandungi maklumat tentang pelbagai bidang kehidupan masyarakat dan aktiviti ekonomi. Yang paling lazim ditemui ialah maklumat tentang perdagangan, kewangan, pembekalan, pelayaran dan perkapalan, pembangunan, kraftangan, pertanian serta perlombongan. Bidang-bidang ini dianggap oleh pandangan umum sebagai arah aktiviti ekonomi yang terpenting dan petunjuk darjah perkembangan masyarakat. Perlu ditegaskan bahawa para pengarang karya-karya sejarah sejak kurun ke-13 dapat menarik perhatian para pembacanya bukan hanya kepada kemajuan masyarakat manusia malah kepada *suasana alam (nature)*. Air yang bersih dan tawar, udara yang baik, kelimpahan ikan dalam sungai (laut) dan binatang seperti burung di dalam hutan dianggap sebagai salah satu unsur “*keraajaan yang adil*”. “*Raja yang adil*” wajib menjaga dan melindungi semua sumber semula jadi (sumber atau kekayaan alam) itu. Ini membuktikan bahawa pada kurun ke-13 sehingga ke-19, dalam kehidupan masyarakat Melayu sudah wujud konsep ekologi dan pengawalan alam sekitar. Antara unsur kemakmuran dan kemunduran negara akan dinyatakan dalam data-data yang melibatkan *jumlah pendudukan, tenaga kerja dan migrasi*. Menurut teks-teks sejarah tersebut, sultan dan raja-raja yang mengepalai daerah atau kawasan yang tertentu selalunya menumpukan perhatian terhadap punca hasil keluaran manusia dan tenaga kerja. Terdapat juga beberapa maklumat mengenai cara-cara yang digunakan oleh raja tersebut untuk menambahkan jumlah penduduk di dalam negerinya. Misalnya:-

Kemudian maka Raja Abdullah pun pergila ke Pulau Karimun/ Syahdan apabila sampai lah ... dikumpulkannya segala orang-orang Kerimun yang berpecah belah itu yang ke sana ke mari, mama-mana yang berhutang dibayarlah hutangnya disuruh balik semula ke Karimun. ... Di dalam beberapa bulan lamanya mengeluarkan belanja mengumpulkan orang-orang itu. maka berkumpullah mereka itu sedikit-sedikit serta diperintahkan mereka itu dengan jalan yang patut, lama-lama ramailah Karimun itu. (TN 426-427(437)).

Petikan yang di atas membuktikan bahawa pada masa itu raja-raja Johor menggunakan pelbagai kaedah dan motivasi ekonomi supaya memakmurkan negerinya dan menambah tenaga kerja walaupun maklumat-maklumat tentang migrasi (perpindahan) terpaksa diwujudkan (antara lain mengenai perpindahan orang tawanan ke ladang gambir dan atau ke tempat penggalian timah dan lain-lain.) Dapatkan juga menunjukkan bahawa bukan sahaja raja-raja yang memerintahkan negeri secara rasmi menumpukan perhatian terhadap punca keluaran manusia, malah kelompok-kelompok lanun dan perompak turut menjaga jumlah penduduk dan berusaha menambahkan tenaga kerja di daerah-daerah yang dikawal oleh mereka. Misalnya:

Maka besarlah perompak seketika itu. Adalah kepala Panglima Raman namanya, hingga merompaklah ia ke tanah Bangka hingga lalu ke Jawa. Maka banyaklah orang Bangka dan orang Jawa ditawannya

dibawanya ke Lingga dijadikannya isi negeri Lingga. Lama-lama sukalah orang-orang Bangka itu diam di Lingga membuat kebun dan dusun tiadalah ia mahu balik ke Bangka lagi. Terkadang datang sanak-saudaranya dari Bangka dengan suka hatinya sendiri tiadalah dengan rompak memperhambakan dirinya di bawah perintah Baginda Sultan Mahmud. Maka jadilah ramai di dalam negeri Lingga itu. (TN 266(287))

Hal tersebut menggambarkan bahawa di Johor pada kurun ke-18 sehingga ke-19 orang Melayu sudah pandai dalam hal-ehwal politik demografi dan mempunyai suatu sistem pengawalan jumlah penduduk dan tenaga kerja. Satu unsur kemakmuran negara yang digambarkan dalam teks-teks Melayu lama itu ialah keterlebihan senjata dan peluru, dan juga tahap perkembangan pembuatan senjata. Justeru, perang dan pergaduhan bersenjata selalu disebut sebagai alasan kemunduran ekonomi dan kemerosotan negara serta dianggap sebagai faktor negatif dalam perkembangan masyarakat. Sebenarnya maklumat-maklumat tentang banyaknya senjata dan tentang kemajuan dalam bidang ketenteraan dan perbuatan senjata biasanya terdapat dalam konteks cerita-cerita mengenai keamanan negara dan kemampuan pertahanan. Pada pendapat saya, hal tersebut menafikan prasangka bahawa orang Muslim selalu bersikap agresif dan masyarakat Muslim menurut pandangan umum suka kepada keganasan dan perang.

Kesimpulan

Teks-teks Melayu lama mengandungi banyak maklumat yang amat menarik mengenai keadaan dan taraf perkembangan masyarakat Melayu pada kurun ke-13 sehingga ke-19. Maklumat-maklumat mengenai kemakmuran negara lazimnya digunakan oleh karyawan supaya membuktikan “*keadilan*” sultan yang pada masa itu memerintah negara. Sebaliknya, untuk menegaskan kezaliman dan ketidakadilan raja yang dianggap sebagai pesaing atau musuh, perawi akan menggambarkan kemunduran negara dan kemerosotan kegiatan ekonomi di dalam hikayatnya. Ini menunjukkan bahawa suasana ekonomi dan tahap perkembangannya dianggap oleh pandangan umum masyarakat Melayu sebagai suatu kemahiran “*raja adil*” dan sebagai salah satu bukti legitimasi kerajaannya. Lazimnya teks asli diubahsuai oleh seorang penyalin dengan keadaan politik yang baru, bila seandainya sultan (penaung yang lama meninggal dunia) dan wakil daripada dinasti yang baru menaiki takhta pemerintahan. Secara akibat muncul versi atau redaksi (*redaction*) yang baru yang mengandungi gambaran peristiwa-peristiwa dari sudut pandangan yang baru dan yang bersifat berlebihan atau rendah. Justeru, analisis bahan-bahan tersebut menunjukkan bahawa ternyata kriteria kemakmuran atau kemunduran negara merupakan sistem kriteria yang kekal dan tidak diubah dalam pelbagai teks. Antara kriteria yang terpenting disebutkan (taraf perkembangan tenaga kerja (termasuk jumlah penduduk), taraf perkembangan perniagaan, taraf perkembangan pelayaran dan perkapanan, suasana

dalam negeri dan keamanan; perkembangan dalam bidang kehidupan intelektual (agama, ilmu, falsafah, akhlak dan sebagainya), keadaan ekologi dan lain-lain. Analisis teks-teks tersebut menunjukkan bahawa di dalam masyarakat Melayu wujud konsep kemakmuran dan kemunduran negara yang asal. Konsep tersebut mempunyai juga kaitan yang erat dengan konsep keadilan, konsep nafsu dan konsep balasan yang wujud di dalam masyarakat Melayu pada zaman tersebut. Semua konsep-konsep tersebut merupakan sebahagian daripada konsep akhlak dan keadilan dalam Islam.

Rujukan

- Abdullah, Auni (2001), *Islam dan Perdagangan dalam Sejarah Alam Melayu*, Kuala Lumpur.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (1993), *Islam and Secularism*, Kuala Lumpur: ISTAC
- Denisova, Tatiana (2011), *Refleksi Historiografi Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hashim, Muhammad Yusoff (1992), Hikayat Siak. Dirawikan oleh Tengku Said. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Iskandar, Teuku (2001) *Hikayat Aceh*, Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan
- Salleh, Muhammad (1997) *Sulalat al-Salatin, ya'ni Perteturun segala Raja-Raja (Sejarah Melayu)*. Karangan Tun Seri Lanang, Kuala Lumpur: Yayasan karyawan & Dewan Bahasa & Pustaka.